



KENYATAAN MEDIA

KEBENARAN PENGOPERASIAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TASKA), BAGI NEGERI FASA 1 DAN FASA 2 , PELAN PEMULIHAN NEGARA

PUTRAJAYA, 18 SEPTEMBER 2021 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri atas pengumuman pada 15 September 2021 berhubung dengan kebenaran pengoperasian semula Taman Asuhan Kanak Kanak (TASKA) di negeri-negeri Fasa Satu dan Fasa Dua, Pelan Pemulihan Negara (PPN).

“ Saya amat menghargai dan berterima kasih kepada kerajaan yang telah mengambil berat berhubung gesaan yang telah dibuat sebelum ini supaya TASKA, TABIKA, TADIKA dan Pusat Jagaan Harian diberi kebenaran untuk beroperasi”

Walaupun bagaimanapun, mengambil kira keselamatan kanak-kanak yang merupakan golongan berisiko tinggi dijangkiti COVID-19, Pengusaha TASKA serta ibu bapa diingatkan supaya sentiasa berdisiplin dan bertanggungjawab dengan mengikut serta mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan. TASKA yang dibenarkan beroperasi hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

- i. TASKA/Pusat Jagaan Harian hendaklah sah tempoh pendaftaran dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
- ii. Sentiasa mematuhi SOP Pelan Pemulihan Negara (PPN), iaitu Panduan Pencegahan Penularan Covid-19 Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Bagi Keselamatan Warga Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) dan Sektor Penjagaan Sosial yang dikeluarkan oleh KPWKM;
- iii. Mendapat kebenaran beroperasi daripada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri; dan
- iv. Memastikan pengusaha, guru dan kakitangan TASKA telah mendapat vaksin lengkap.

Kebenaran pengoperasian TASKA dan Pusat Jagaan Harian dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) diambil selaras dengan Akta yang sedang berkuatkuasa iaitu Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (AKTA 342). Bagi memastikan SOP dipatuhi, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk melakukan pemantauan dari masa ke masa terhadap TASKA-TASKA yang mula beroperasi.

Dalam memastikan kelangsungan pengoperasian TASKA, Kerajaan juga telah memperuntukkan Bantuan Khas di bawah Inisiatif Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (**PEMULIH**) untuk pengusaha TASKA yang berdaftar dengan JKMM dan terkesan secara langsung dengan pandemik COVID-19 bagi tujuan meringankan beban pengurusan TASKA dalam melaksanakan langkah-langkah pencegahan penularan virus COVID-19.

Sehingga 31 Ogos 2021, bantuan khas ini telah **memberi manfaat kepada 2618 pengusaha TASKA** dan bayaran telah dibuat mulai 1 September 2021. Bantuan Khas ini di sediakan kepada pengusaha TASKA dengan kadar **RM 3,000.00** kepada TASKA Institusi, TASKA di Tempat Kerja dan TASKA Komuniti. Manakala bagi pengusaha TASKA di rumah **RM 800.00** di peruntukan.

Dalam masa yang sama , bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak semasa berada di TASKA sentiasa terjamin, pengusaha dan kakitangan TASKA yang akan beroperasi mestilah telah mendapat vaksin lengkap. Sehingga 17 September 2021, seramai **8,895 orang** daripada jumlah keseluruhan **12,545** kakitangan TASKA di seluruh negara telah menerima dos lengkap vaksin COVID-19 manakala 1,853 orang lagi telah mendapat suntikan dos pertama vaksin COVID-19.

Kebenaran untuk TASKA-TASKA beroperasi ini pasti akan melegakan ibu bapa yang bekerja khususnya setelah lebih banyak sektor dibuka termasuk jumlah kehadiran di sektor awam yang telah ditingkatkan.

YB Datuk Seri Rina Mohd Harun
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat